



Mohd Ali (kiri), Muhamad Nurfaiz (tengah) dan Ali Zaynal Abidin yang menjalankan penyelidikan bersama-sama Ruzinah untuk menghasilkan petrol daripada bahan buangan plastik.

Oleh Rosniza
Mohd Taha
yoniza@bh.com.my
► Gambang

Petrol dihasilkan daripada bahan buangan plastik seperti botol syampu dan karung sampah, merupakan antara produk berpotensi besar diketengahkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada Festival Antarabangsa Inovasi Teknologi Hijau (i-FINOG) di sini, baru-baru ini.

Inovasi kumpulan penyelidik Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli itu memiliki kualiti setanding petrol sedia ada dalam pasaran dari segi nilai Research

Petrol daripada bahan buangan plastik



Orang ramai tertarik dengan pelbagai inovasi teknologi hijau dipamerkan pada i-FINOG di UMP.

BERITA HARIAN
CVARS ITI)
28 APR 2016 M/S 4

Octane Number (RON), iaitu mencecah RON100 yang sesuai digunakan untuk enjin berprestasi tinggi.

Pensyarah Kanan UMP yang juga penyelia kumpulan penyelidik itu, Ruzinah Isha, berkata mereka berjaya menghasilkan petrol dengan nilai RON103 daripada botol syampu, manakala RON98 pula menggunakan bahan buangan polistirena.

Katanya, bahan bakar RON103 itu berpotensi dipasarkan pada harga RM1.14 seliter yang jauh lebih rendah berbanding

kadar dalam pasaran ketika ini.

PROFIL

Petrol daripada bahan buangan plastik

- Menerapkan teknologi hijau.

● Proses sisa sifar.

● Dihasilkan melalui proses 'Pyrolysis'.

● Berpotensi dipasarkan pada harga lebih rendah.

"Petrol daripada bahan buangan plastik dihasilkan menerusi proses 'Pyrolysis' membabitkan penguraian plastik pada suhu tinggi menggunakan abu kelapa sawit sebagai bahan pemangkin.

"Keupayaan petrol itu terbukti apabila diuji pada mesin pemotong rumput. Kini, petrol ini dalam proses ujian penggunaan pada enjin kendaraan dengan kerjasama Fakulti Mekanikal UMP," katanya.

Ruzinah menjalankan penyelidikan itu dengan bantuan tiga pelajar UMP, Muhamad Nurfaiz Azmy, Mohd Ali Mohd Kucheb dan Ali Zaynal Abidiñ Othman.

Festival anjuran julung kali UMP itu menampilkan 200 hasil penyelidikan menggunakan teknologi hijau, termasuk inovasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Bahaman, Lanchang, Pahang, yang menyaksikan penggunaan lapisan batang pokok pisang menggantikan polibeg untuk semaihan pokok.

Tidak perlu disiram

Produk dikenali sebagai Orga Pocket itu dihasilkan oleh sekumpulan pelajar

Tingkatan Tiga, iaitu Muhammad Hafizuddin Halim, Nasiruddin Nazeri dan Wan Aman Iqmal Mohamad Redzuan.

Proses penghasilan Orga Pocket mudah, iaitu lapisan batang pokok pisang dipotong dengan ukuran panjang kira-kira 30 sentimeter sebelum dijemur selama dua hari dan akhirnya dilipat serta dikemaskan menjadi bentuk kantung untuk diisikan dengan tanah.

Antara kelebihan penggunaan Orga Pocket ialah tanaman tidak perlu disiram tetapi hanya direndam dengan paras air minimum kerana keupayaan batang pokok pisang menyerap kelembapan.

Selain itu, Orga Pocket juga boleh ditanam bersama-sama pokok ketika proses pemindahan ke tanah atau pasu, sekali gus menjadi sumber pembajaan.